

**TAHAP KESEDARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI
SEKOLAH MENENGAH SRI PUTRI CYBERJAYA**

Oleh

NORFATIHA BINTI MOHD MAZLAN

Tesis yang dikemukakan kepada

Pusat Pengajian Siswazah Othman Yeop Abdullah

Universiti Utara Malaysia

Dalam memenuhi keperluan Untuk Ijazah Sarjana Sains

KEBENARAN MENGGUNAKAN KERTAS PROJEK

Kertas projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengurniaan Ijazah Sarjana Universiti Utara Malaysia Saya dengan ini bersetuju membenarkan pihak perpustakaan UUM mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini untuk tujuan akademik perlulah mendapat kebenaran Penyelia Kertas Projek atau Dekan Pusat Pengajian Siswazah Othman Yeop Abdullah terlebih dahulu.

Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada pengkaji. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika rujukan keatas kertas projek ini dilakukan. Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan kertas projek ini samaada secara sebahagian atau sepenuhnya hendaklah dipohon melalui:

Dekan Pusat Pengajian Siswazah Othman Yeop Abdullah
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Kajian kes ini adalah bertujuan untuk mengkaji tahap kesedaran tenaga pengajar berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah. Kajian ini terdiri daripada sampel tenaga pengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Putri, Cyberjaya. Sekolah ini dipilih sebagai tapak kajian kerana sekolah ini merupakan salah sebuah sekolah yang banyak menggunakan alatan makmal, peralatan teknologi maklumat dan bengkel dalam medium pembelajaran dan pengajaran di mana mereka mudah terdedah kepada bahaya akibat daripada penggunaan bahan yang terdapat di makmal komputer dan bengkel. Seramai 90 responden telah dipilih untuk menjawab borang soal selidik tersebut. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science versi 19.1. Pembolehubah bersandar untuk kajian ini adalah kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan manakala pembolehubah tidak bersandar ialah faktor sikap dan penglibatan tenaga pengajar. Hasil dari kajian menunjukkan tenaga pengajar mempunyai kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang tinggi. Analisa ujian juga menunjukkan kesemua pembolehubah mempunyai hubungan yang signifikan dan pembolehubah yang paling dominan mempengaruhi tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan tenaga pengajar ialah penglibatan.

ABSTRACT

The research is done with the purpose of finding the awareness among teacher regarding safety and health in school. The sample of this study is teachers from Sekolah Menengah Sri Putri Cyberjaya. The groups of teacher have been choose as a sample since it have an extensive use of the lab equipment and high technology in gadget in their teaching method which made them to have highly exposed to such danger working with such equipment. 90 respondents have been chose to answer the questionnaire. SPSS 19.1 is used to analyze the data collected. The dependent variable of the study is the level of awareness towards the safety and health among workers and independent variable are the factors of attitudes and involvement among teachers. This study shows that, the level of awareness among teachers is high. The results also reveal that all of the variables are significant and the involvement of the teachers towards the awareness of the safety and health is the dominant variable used.

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya maka kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Ucapan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Dr. Johanim binti Johari yang telah banyak membantu sepanjang menjalankan penyelidikan ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada tenaga pengajar kerana meluangkan masa untuk menjawab soal selidik yang diberikan. Ucapan terima kasih juga kepada kedua ibu bapa saya dan rakan-rakan yang banyak membantu dan memberi sokongan dalam menyiapkan penyelidikan ini

Sekian Terima Kasih

Norfatiha binti Mohd Mazlan

College of Business

Universiti Utara Malaysia

ISI KANDUNGAN

HALAMAN

TAJUK KERTAS PROJEK	
PERAKUAN KERTAS PROJEK	
KEBENARAN MENGGUNAKAN KERTAS PROJEK	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB SATU: PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1
1.0 Latar Belakang Kajian	1
1.1 Penyataan Masalah	2
1.2 Persoalan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.3.1 Objektif Khusus	5
1.3.2 Objektif Umum	5
1.4 Skop Kajian	6
1.5 Definisi	6

1.5.1	Kesedaran Keselamatan	6
1.5.2	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	6
1.5.3	Penglibatan Pekerjaan	7
1.5.4	Sikap Pekerja	7
1.6	Struktur Kajian	7

BAB DUA: ULASAN KARYA

2.0	Pengenalan	9
2.1	Konsep Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	9
2.2	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kesedaran Pekerja Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	12
2.3	Konsep sikap dan Hubungannya dengan Tahap Kesedaran Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	17
2.4	Konsep Faktor Penglibatan dan Hubungannya dengan Tahap Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	19
2.5	Kerangka Kajian	22
2.6	Rumusan Kajian	22

BAB TIGA: METODOLOGI

3.0	Pengenalan	23
3.1	Rekabentuk Kajian dan Kaedah Kutipan Data	23
3.2	Saiz Persampelan	24
3.3	Struktur Soalan Kajian	24
3.4	Kebolehpercayaan Soal Selidik	26
3.5	Teknik Analisis Data	26
3.5.1	Pengujian Hipotesis	27

3.6	Kesimpulan	27
BAB EMPAT: DAPATAN KAJIAN		
4.0	Pengenalan	28
4.1	Analisis Taburan Frekuensi	28
4.1.1	Faktor Demografi	29
4.2	Kebolehpercayaan Soal Selidik	30
4.3	Deskriptif Statistik	31
4.4	Pengujian Hipotesis	32
4.4.1	Kolerasi Pearson	32
4.4.2	Analisis Regresi Berganda	35
4.5	Rumusan Analisis	37
4.6	Perbincangan Hasil Kajian	37
4.6.1	Objektif 1 untuk melihat hubungan signifikan di antara faktor sikap tenaga pengajar dan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan	37
4.6.2	Objektif 2 untuk melihat signifikan antara faktor penglibatan tenaga kerja pengajar Sekolah Menengah Sri Putri, Cyber Jaya dengan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan	39
4.6.3	Objektif 3 untuk melihat hubungan paling dominan antara factor penglibatan atau sikap tenaga pengajar dengan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan	41
4.7	Kesimpulan	42
BAB LIMA: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		
5.0	Pengenalan	43
5.1	Batasan Kajian	43

5.2	Implikasi Teoratis dan Praktikal	44
5.3	Cadangan	46
5.4	Kesimpulan	46
	RUJUKAN	48
	LAMPIRAN	52

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
3.1	Pembahagian Item-Item Dalam Soal Selidik	25
3.2	Nilai Cronbach's Alpha bagi Setiap Pembolehubah	26
4.1	Demografi Responden	29
4.2	Nilai-Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	31
4.3	Analisis Deskriptif bagi Pembolehubah-Pembolehubah Utama	31
4.4	Interprestasi Skor Min	32
4.5	Darjah Kekuatan Mengikut Nilai $-r$	33
4.6	Pekali Korelasi di antara Pembolehubah –Pembolehubah	34
4.7	Pekali Korelasi di Antara Pembolehubah- Pembolehubah	35
4.8	Analisis Ujian Analisis Regresi Berganda Kesedaran Keselamatan Kesihatan Pekerjaan	36
4.9	Rumusan Pengujian Hipotesis	37

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
2.0	Kerangka Kajian	22

SENARAI SINGKATAN

AKKP 1994 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

SENARAI LAMPIRAN

No.	Lampiran	Halaman
Lampiran A	Borang Soal Selidik	52

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Latar Belakang Kajian

Majikan terbesar di negara ini adalah dari sektor perkhidmatan awam yang merangkumi lebih kurang 1.02 juta orang penjawat awam (Majlis Negara Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, 2009). Output sektor awam adalah perkhidmatan dan penyampaian yang berkualiti kepada pelanggan dan rakyat, tidak kira bidang kerja yang dilakukan. Namun, tanpa disedari setiap aktiviti kerja yang dijalankan mempunyai bahaya dan risiko tersendiri yang tidak boleh diabaikan. Sebagai contoh, kualiti udara dalaman di sesebuah pejabat yang tidak baik boleh memberi risiko penyakit kulit akibat alahan, posisi yang lemah semasa penggunaan komputer boleh memberi risiko keletihan mata dan bahagian belakang badan (Maznah, 2009). Ini menunjukkan penjawat awam adalah aset penting negara dan menjadi tulang belakang proses pembangunan di mana tanpa sumbangan mereka pembangunan ekonomi dan sosial tidak akan tercapai.

Justeru itu pelbagai usaha telah dan sentiasa dijalankan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan para pekerja tidak terjejas. Perwartaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 telah mengubah amalan pekerjaan dengan menitik beratkan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Aspek keselamatan dan kesihatan juga telah diberi tumpuan utama oleh majikan dan pekerja. Akta ini menyediakan perlindungan kepada pekerja dari sebarang risiko kemalangan di tempat kerja di mana majikan juga bertanggungjawab untuk melindungi pekerja itu sendiri dari sebarang risiko dan keselamatan dan kesihatan pekerja daripada sebarang aktiviti pekerjaan

yang dilakukan (Ab Aziz, 2000). Memang tidak dapat dinafikan bahawa kemalangan di tempat kerja tidak dapat dielakkan sepenuhnya oleh majikan dan pekerja. Namun begitu tindakan yang terbaik yang boleh dilaksanakan oleh majikan dan pekerja adalah dengan mengurangkan bahaya risiko pekerjaan tersebut. Menurut Ramlan (1997), kes kemalangan di tempat kerja boleh dikurangkan dengan memberi kesedaran dan kefahaman yang tinggi tentang bahaya di tempat kerja melalui program kesedaran keselamatan pekerjaan selain memastikan persekitaran bebas dari bahaya dengan menyediakan alat pencegahan kebakaran dan kemalangan yang sentiasa mencukupi serta dalam keadaan baik.

Oleh itu, adalah penting untuk mewujudkan tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan di sekolah bagi mencapai sekolah yang selamat bertujuan untuk membolehkan para pelajar dan kakitangan sekolah bebas untuk belajar dan pengajaran berlaku tanpa sebarang gangguan secara fizikal ataupun secara psikologi. Dengan erti kata lain sekolah selamat merujuk kepada kepercayaan bahawa semua pelajar di sekolah mempunyai peluang untuk belajar di dalam sebuah persekitaran yang selamat, kondusif serta proses pembelajaran yang bebas daripada sebarang gangguan (Ormadin, 1996).

1.1 Penyataan Masalah

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 adalah perkara yang sangat perlu dititikberatkan apabila melibatkan keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja. Berdasarkan AKKP 1994 seperti yang telah dinyatakan dalam jadual 1, Seksyen 1(2) bilangan ke 10 sektor perkhidmatan awam tertakluk dalam peruntukan perundangan ini. Selain itu seksyen 30(1) AKKP 1994 juga menetapkan setiap majikan yang

mempunyai 40 orang pekerja atau lebih hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Oleh itu, institusi pendidikan terutamanya yang menggunakan makmal dan bengkel serta peralatan teknologi maklumat sebagai salah satu medium pengajaran dan pembelajaran turut terikat dengan kedua-dua peruntukan ini memandangkan ia juga merupakan salah satu sektor perkhidmatan awam dan mempunyai kakitangan lebih dari jumlah minima yang diperuntukan dalam akta tersebut. Dalam kajian ini, Sekolah Menengah Sri Puteri, Cyberjaya dipilih sebagai tempat kajian untuk mengetahui tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan tenaga pengajar sebagai pekerja di sekolah tersebut.

Tambahan pula, pihak Kementerian Pelajaran pada bulan September 2004 memaklumkan untuk menutup lebih 60 buah sekolah menengah dan rendah kerana dikatakan sudah tidak selamat digunakan kerana mempunyai masalah seperti dinding dan tiang retak, sistem pendawaian lama, kebocoran di bahagian bumbung dan masalah anai-anai (Shamsiah, Shahrulbanun & Aziah, 2005). Ini membuktikan terdapat kesedaran awal institusi pendidikan menitikberatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kawasan sekolah. Walau bagaimanapun, adakah terdapat kesedaran tentang sikap dan penglibatan tenaga pengajar juga memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kawasan sekolah? Hal ini kerana menurut Lee (1999) sesebuah sekolah dikatakan selamat sekiranya terdapat kesedaran tentang kewujudan AKKP 1994 serta aplikasinya kepada institusi pendidikan bagi kepentingan menjaga keselamatan dan kesihatan di sekolah. Oleh itu, kajian perlu dibuat terhadap institusi pendidikan untuk melihat adakah sikap dan penglibatan guru memberi kesan terhadap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Dalam kajian ini tenaga pengajar Sekolah Menengah Sri

Puteri, Cyberjaya dipilih sebagai responden untuk melihat hubungan antara sikap dan penglibatan terhadap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Selain itu, perlu diketahui apakah faktor paling dominan mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya dalam kalangan tenaga pengajar.

Kajian mengenai faktor kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini adalah penting kerana menurut Menteri Sumber Manusia, Fong Chan Onn (2000), menjelaskan salah satu daripada perkara yang perlu dititikberatkan oleh AKKP 1994 adalah untuk meningkatkan kesedaran para majikan dan pekerja di negara ini tentang pentingnya amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ini kerana pemahaman dan keprihatinan yang kurang mengenai AKKP 1994 di dalam sektor awam seperti institusi pendidikan menyebabkan kepentingan untuk melaksanakan Akta di institusi tersebut adalah sukar. Oleh yang demikian kajian mengenai tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan ini adalah penting di Sekolah Menengah Sri Putri Cyberjaya bagi memastikan semua tenaga pengajar melibatkan diri untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang selamat dan kesihatan tenaga pengajar yang terjamin.

1.2 Persoalan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengetahui kesedaran tenaga pengajar Sekolah Seri Putri, Cyberjaya mengenai aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah. Sehubungan dengan itu antara persoalan dalam kajian ini adalah:

1.2.1 Adakah sikap tenaga pengajar Seri Putri, Cyberjaya mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah.

1.2.2 Adakah penglibatan tenaga pengajar mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya.

1.2.3 Apakah faktor paling dominan mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya dalam kalangan tenaga pengajar.

1.3 Objektif Kajian

1.3.1 Objektif Umum

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengetahui kesedaran tenaga pengajar Sekolah Menengah Seri Putri Cyberjaya terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah.

1.3.2 Objektif Khusus

Oleh itu, objektif khusus kajian ini adalah:

1.3.2.1 Mengkaji hubungan sikap tenaga pengajar dengan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah.

1.3.2.2 Mengkaji hubungan penglibatan tenaga pengajar terhadap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah.

1.3.2.3 Mengkaji faktor paling dominan antara sikap atau penglibatan yang lebih mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah

1.4 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas tenaga pengajar Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya kerana tenaga pengajar bertanggungjawab menyediakan persekitaran pembelajaran yang selamat dan sihat. Tenaga pengajar sahaja yang akan terlibat dalam menjawab setiap soalan yang diedarkan. Kajian ini juga hanya mengkaji kesedaran tenaga pengajar mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah di mana ia merupakan pembolehubah bersandar dalam kajian ini. Manakala pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini pula terdiri daripada faktor sikap dan penglibatan tenaga pengajar.

1.5 Definisi

Definisi terma-terma yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1.5.1 Kesedaran Keselamatan

Kesedaran keselamatan adalah menimbulkan keinsafan dan tidak alpa dalam menjalankan tugas bagi mengelakkan berlakunya kemalangan di tempat kerja (Ramlan, 1997).

1.5.2 Keselamatan dan Kesihatan

Keselamatan di tempat kerja adalah suatu bidang yang menitikberatkan soal pencegahan dan perlindungan individu daripada kecederaan atau kesakitan akibat daripada bahaya yang diperolehi di tempat kerja (Ahmad Nazri, Juhary, & Roselina, 1999).

1.5.3 Penglibatan Pekerja

Penglibatan pekerja adalah salah satu teknik yang berorientasikan tingkah laku yang melibatkan individu atau kumpulan dalam sesebuah organisasi (Vredenburg, 2002).

1.5.4 Sikap Pekerja

Menurut Brien (1999), sikap pekerja adalah tingkahlaku yang dilakukan secara berulang-ulang dan ia dilakukan oleh minda tanpa sedar.

1.6 Struktur Kajian

Kajian ini mengandungi lima bab yang menerangkan secara keseluruhan mengenai tajuk kajian yang dijalankan. Bab satu menjelaskan pengenalan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian di mana terdapat objektif umum dan khusus, skop kajian, dan definisi terma yang akan digunakan di dalam kajian ini.

Bab dua membincangkan sorotan karya bagi faktor sikap serta penglibatan tenaga pengajar. Bab ini diteruskan dengan perbincangan teori rangka kajian dan akhir sekali kesimpulan kepada bab ini.

Bab tiga pula menjelaskan kaedah kajian yang terdiri daripada pengenalan kepada bab tiga, kaedah rekabentuk kajian, kaedah kutipan data, saiz persampelan, struktur soalan kajian, kebolehpercayaan soal selidik dan teknik menganalisis data yang digunakan dalam kajian ini.

Bab empat bermula dengan pengenalan kepada bab ini. Seterusnya cara pengumpulan data, analisis taburan frekuensi dengan menggunakan ujian deskriptif terhadap faktor demografi yang meliputi jantina, bangsa, umur, tahap pendidikan dan tempoh perkhidmatan. Bab ini juga akan menerangkan kebolehpercayaan dan deskriptif

soalan kajian yang digunakan dalam kajian ini. Manakala bagi analisis kedua-dua hipotesis adalah menggunakan ujian analisis perkaitan samada untuk menerima atau menolak hipotesis dalam kajian ini. Bab ini juga menerangkan rumusan daripada analisis yang telah dilakukan berserta kesimpulan yang diperolehi daripada analisis yang telah dilakukan.

Manakala bab lima pula membincangkan dapatan kajian, kesimpulan dari kajian tersebut, implikasi teoratikal dan implikasi praktikal untuk meningkatkan tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya di kalangan tenaga pengajar. Selain itu penemuan dan cadangan dari hasil kajian ini dicadangkan digunakan untuk kajian pada masa akan datang.

BAB DUA

ULASAN KARYA

2.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan ulasan karya yang terdiri daripada setiap pembolehubah dalam kerangka penyelidikan. Ini bertujuan untuk melihat sejauh mana hubungkait antara kesedaran tenaga pengajar dengan faktor-faktor penglibatan dan sikap Sorotan daripada kajian- kajian terdahulu juga turut dibincangkan bagi memantapkan kesedaran keselamatan dan kesihatan di sekolah. Daripada perbincangan itu maka teori rangka kajian akan dibangunkan dan seterusnya rumusan daripada bab ini.

2.1 Konsep Kesedaran Keselamatan dan kesihatan pekerjaan

Kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan bermula sejak zaman purba Babylon iaitu semasa zaman pemerintahan Raja Hammurabi pada tahun 2000 sebelum Masehi. Beliau telah membentuk suatu peraturan atau undang-undang yang dinamakan sebagai kod Hammurabi (Goetsch, 1996). Antara kandungan dalam kod Hammurabi tersebut adalah membincangkan tentang kecederaan, bayaran untuk ahli perubatan serta hukuman yang patut dikenakan kepada pesalah yang mencederakan orang lain adalah jelas menunjukkan pemerintahnya mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap keselamatan dan kesihatan rakyatnya. Perkara yang sama juga berlaku di mana semasa zaman pemerintahan Rameses II pada tahun 1500 sebelum Masehi di mana para hamba yang ditugaskan untuk membina berhala telah diberikan perkhidmatan perubatan bagi menjamin keselamatan dan kesihatan mereka dan perlu mandi di

Sungai Nil setiap hari, para pekerja juga diberikan rawatan perubatan secara tetap dan mana-mana pekerja yang sakit akan diasingkan (Goetsch, 1996).

Di Malaysia, kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan mula dikuatkuasakan melalui AKKP 1994 pada 25 Februari 1994 yang menggariskan panduan asas untuk menguruskan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan (Durrishah, Hadmidah, Hapriza, Fadilah, Rossilah & Syaharizatul, 2004). Pewartaan AKKP 1994 ini telah mengubah amalan kerja dengan menitikberatkan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja (Ab Aziz, 2000). Mengikut Durrishah et al., (2004) pula, penguatkuasaan AKKP 1994 adalah bertujuan untuk memastikan semua pihak khususnya majikan dan pekerja lebih bertanggungjawab dalam mewujudkan suasana kerja yang selamat.

Justeru itu, dalam memastikan sesebuah organisasi mencapai tahap keselamatan dan kesihatan yang ideal terdapat tiga perkara penting. Pertama, kesedaran terhadap kepentingan keselamatan di tempat kerja. Kedua, tanggungjawab (peraturan, moral dan etika) serta mengenal pasti masalah berhubung keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Ketiga, membuat penilaian dan mengambil tindakan yang praktikal bagi menyelesaikan masalah tersebut (Mahatevan, 1991).

Ini membuktikan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan antara faktor penting dalam meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Oleh itu perlu diketahui konsep kesedaran keselamatan dan kesihatan secara jelas. Namun begitu, berdasarkan kajian yang lepas konsep kesedaran keselamatan dan kesihatan hanya dijelaskan berdasarkan hubungan tahap kesedaran dengan pembolehubah- pembolehubah yang mempengaruhinya.

Antaranya, kajian Wan Rosmini (2000) yang mengkaji tentang tahap kesedaran pekerjaan berhubung dengan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Berdasarkan

kajian ini, konsep kesedaran hanya dijelaskan berdasarkan hubungan kesedaran dengan tahap pekerjaan, pangkat, penglibatan pekerja dalam jawatan kuasa keselamatan dan penglibatan pekerja dalam aspek latihan. Kajian Durrishah et al., (2004) pula, yang mengkaji tentang kesedaran staf UTM terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja menjelaskan konsep kesedaran dengan merujuk kesedaran sebagai tahap pengetahuan dan sikap pekerja.

Begitu juga dengan kajian Ahmad Murshidy (2010) yang mengkaji tentang pengurusan tahap kesedaran dan keselamatan pekerjaan terhadap pengendalian peluru dan bahan letupan. Berdasarkan kajian ini juga konsep kesedaran dijelaskan melalui hubungan tahap kesedaran dengan sikap individu, pengetahuan melalui latihan, faktor peralatan dan faktor demografi seperti umur, tempoh perkhidmatan, jantina, tahap pendidikan dan pangkat. Selain itu, kajian Hadmidah et al., (2004) mengenai persepsi staf UTM terhadap kesedaran keselamatan dan kesihatan di tempat kerja juga menghuraikan konsep kesedaran melalui hubungan kesedaran dengan polisi, prosedur, peralatan, latihan, jawatankuasa, penglibatan, sikap dan persekitaran. Berdasarkan kajian ini, faktor latihan lebih dominan mempengaruhi kesedaran. Faktor demografi pula dilihat tidak mempengaruhi tahap kesedaran.

Di samping itu, kajian Ramlan (1997) mengenai latihan dalam bidang keselamatan dan kesan terhadap kesedaran keselamatan pekerjaan turut menjelaskan konsep kesedaran melalui hubungan kesedaran dengan faktor individu, persekitaran, peyeliaan dan latihan. Kajian turut menyatakan penyebaran dasar dan peraturan keselamatan secara kerap mampu menimbulkan kesedaran. Begitu juga dengan penguatkuasaan pemakaian perlindungan diri boleh mempengaruhi tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Oleh itu, berdasarkan kajian terdahulu kesedaran keselamatan dan kesihatan sangat dipengaruhi oleh faktor-faktor yang dinyatakan iaitu tahap pekerjaan, pangkat, penglibatan, jawatankuasa, pengetahuan melalui latihan, sikap individu, faktor peralatan, polisi, prosedur, persekitaran dan penyeliaan. Justeru itu, berdasarkan hubungan tahap kesedaran dengan faktor-faktor di atas dilihat mampu menjelaskan konsep kesedaran dengan melihat faktor yang paling dominan mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

2.2 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kesedaran Pekerja Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Nurul dan Tengku (2009) ke atas pengetua sekolah rendah di Kota Bharu untuk mengetahui kesedaran keselamatan dan kesihatan di sekolah mendapati pengetahuan mengenai Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 adalah sangat rendah. Melalui hasil kajian tersebut berdasarkan temuramah yang telah dibuat dengan pengetua sekolah rendah hanya 7.7 peratus sahaja pengetua mempunyai pengetahuan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan selebihnya sebanyak 92.3 peratus yang ditemuramah tidak mempunyai pengetahuan tentang Akta tersebut. Pengetahuan mengenai AKKP 1994 yang diperolehi oleh pengetua sekolah tersebut adalah melalui media massa seperti televisyen, radio dan surat khabar serta kempen-kempen keselamatan dan kesihatan berbanding mendapat pengetahuan tersebut secara spesifik melalui latihan dan kursus keselamatan dan kesihatan yang dianjurkan oleh badan-badan yang bertanggungjawab menyediakan latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Hasil daripada kajian tersebut juga mendapati sekolah juga tidak dibekalkan dengan AKKP 1994, hanya 14 peratus sahaja pengetua sekolah dibekalkan dengan Akta tersebut.

Kesannya, pelbagai perdebatan telah timbul dan masing-masing menuding jari mengenai keadaan keselamatan, kesihatan dan disiplin yang melibatkan pelbagai pihak. Pelbagai usaha telah diambil oleh semua pihak untuk menangani masalah tersebut tetapi masalah tersebut masih tidak dapat diselesaikan dengan cara yang baik kerana pelbagai kes telah timbul seperti kajian yang telah dibuat oleh Abd Wahid Mukhari dan Siew Theng (2007), ke atas kefahaman dan keprihatinan tenaga pengajar kemahiran hidup terhadap keselamatan bengkel kemahiran hidup di sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Kulai, Johor. Hasil daripada kajian tersebut sebilangan kecil tenaga pengajar tidak pasti mengenai pendedahan keselamatan kesihatan pekerjaan kepada pelajar dan daripada kajian tersebut juga mendapati tenaga pengajar tidak mempunyai kesedaran mengenai peralatan yang rosak dan tidak mengetahui potensi bahaya yang wujud jika tidak meyelenggarakan peralatan tersebut dengan baik.

Berdasarkan kajian-kajian lepas di atas membuktikan sebilangan besar tenaga pengajar dan pengetua kurang kesedaran mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Oleh itu, untuk meningkatkan kesedaran tenaga pengajar dan pengetua di sekolah-sekolah, perlu diketahui faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran tersebut.

Menurut Ramlan (1997), antara faktor yang mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan ialah individu, persekitaran, penyeliaan dan program latihan. Beliau mendapati pihak organisasi yang selalu menyebarkan dasar dan peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada pekerja secara kerap boleh menimbulkan kesedaran keselamatan pekerjaan kepada mereka. Hasil kajian tersebut juga menunjukkan bahawa individu yang mempunyai tahap kesedaran keselamatan yang rendah lebih cenderung terlibat dalam risiko kemalangan di tempat kerja. Selain itu, antara faktor yang lain ialah memperkenalkan AKKP 1994. Terdapat tiga tujuan akta

tersebut diperkenalkan. Pertama, untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja terhadap risiko kepada keselamatan atau kesihatan yang berbangkit daripada aktiviti orang-orang yang sedang bekerja. Kedua, untuk melindungi orang-orang di tempat kerja selain daripada orang-orang yang sedang bekerja terhadap risiko keselamatan atau kesihatan yang berbangkit daripada aktiviti orang-orang yang sedang bekerja. Ketiga, untuk menggalakkan suatu persekitaran pekerjaan bagi orang-orang yang sedang bekerja yang disesuaikan dengan keperluan fisiologi dan psikologi mereka (Yusuf, 2008).

Di samping itu, Akta ini juga bermatlamat untuk memupuk dan menggalakkan kesedaran keselamatan dan kesihatan di dalam kalangan pekerja dan majikan serta ia memberi rangka peraturan untuk mempromosi, mendorong, menggalakkan piawaian yang tinggi bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk memastikan semua pihak bertanggungjawab dalam mewujudkan satu suasana kerja yang selamat (Yazam, 2001). Di samping itu, Fong (2000) menyatakan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan juga merupakan faktor yang dapat membantu meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan mengurangkan risiko kemalangan di tempat kerja.

Hal ini kerana, jawatankuasa keselamatan dan kesihatan boleh mempengaruhi tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan di kalangan pekerja. Seksyen 30(1) AKKP 1994 menyatakan setiap majikan hendaklah menubuhkan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Mengikut seksyen ini juga, fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah untuk mengkaji langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja, menyiasat dan membawa kepada perhatian majikan tentang apa-apa jua perkara pekerjaan yang dianggap oleh jawatankuasa keselamatan dan kesihatan adalah tidak selamat dan merbahaya kepada

kesihatan pekerja. Dalam kajian yang dibuat oleh JKKP 1994, yang bertujuan mengukur tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan berdasarkan AKKP 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1967 telah dijalankan secara rawak ke atas 42 tapak pembinaan di Johor. Kajian mendapati bahawa 55% berada pada tahap yang memuaskan. Daripada kajian itu mendapati peranan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan sangat diperlukan untuk mewujudkan kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan para pekerja. Ini kerana jawatankuasa bertanggungjawab membuat kajian terhadap keselamatan dan kesihatan di kalangan para pekerja.

Majikan juga bertanggungjawab meningkatkan kesedaran dengan memberi latihan kepada setiap pekerja. Ini kerana latihan dapat memberi pengetahuan dan sekaligus meningkatkan kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (Davis & Tomasin, 1990). Menurut Maccollum (1995), pekerja harus melibatkan diri dalam latihan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Selain itu, mengikut Hinze (1997) apabila semua pekerja mengambil bahagian dalam latihan keselamatan dan kesihatan, maka terdapat beberapa kebaikan seperti sesuatu kerja tersebut dapat dijalankan dengan lebih berkualiti dan dapat mewujudkan kesedaran keselamatan dan kesihatan. Latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah satu cara yang berkesan dalam membantu mempromosikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Latihan yang diberikan kepada pekerja adalah bertujuan mewujudkan kesedaran yang mendalam mengenai aspek keselamatan dan kesihatan pekerja.

Pelan latihan yang dianggap berjaya mesti mempunyai elemen-elemen yang berikut iaitu pertama, latihan mesti diberi kepada semua peringkat dari pengurus sehingga ke pekerja bawahan. Kedua, mengenalpasti risiko yang wujud dalam kerja dan

membekalkan pengetahuan kepada pekerja mengenai risiko yang bakal dihadapi. Ketiga, mengawasi program dan memastikan objektif yang telah ditetapkan tercapai. Keempat, merekodkan dan membuat catatan terhadap semua kejadian-kejadian yang tidak diingini yang telah berlaku (Aziz & Intan, 2002).

Selain itu kajian yang dilakukan oleh Fernandez (2007) mendapati komitmen majikan mempunyai pengaruh secara langsung, positif dan signifikan bagi mempengaruhi tahap kesedaran dan keselamatan dan kesihatan di kalangan para pekerja. Menurut beliau lagi majikan yang selalu mengambil berat keadaan tempat kerja dan melibatkan diri dalam aktiviti keselamatan dapat mengurangkan kemalangan yang berlaku di dalam sebuah organisasi. Ini kerana komitmen yang diberikan oleh majikan akan mempengaruhi sikap pekerja. Para pekerja lebih cenderung bersikap positif terhadap keselamatan dan kesihatan serta kurang melakukan sesuatu yang tidak selamat dan lebih memberikan cadangan yang bernas dan pandangan yang berguna untuk meningkatkan keadaan tempat kerja yang selamat. Menurut David (1995) komitmen majikan sebagai penyumbang berpotensi terhadap konsep budaya keselamatan, ini kerana penyertaan majikan merupakan satu pengaruh terhadap kesedaran keselamatan dan kesihatan di kalangan pekerja (Fernandez, 2007).

Oleh yang demikian, kesedaran keselamatan dan kesihatan diri adalah kriteria utama untuk mengelak daripada berlaku kemalangan pekerjaan dan jika perkara ini diketepikan, kemalangan dan kecederaan pekerjaan mungkin meningkat. Kesedaran keselamatan dan kesihatan juga akan mengurangkan perbelanjaan organisasi yang berpunca daripada pembiayaan tuntutan pampasan yang disebabkan oleh bencana pekerjaan. Justeru itu, faktor- faktor yang mempengaruhi kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah perlu bagi melahirkan satu suasana kerja yang selamat. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini hanya mengkaji faktor sikap

dan penglibatan pekerja yang mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

2.3 Konsep Sikap Dan Hubungannya Dengan Tahap Kesedaran Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Sikap pekerja adalah perkara yang amat sukar untuk diubah oleh pihak pengurusan dan kebanyakan ahli sosialogi mendefinisikan sikap sebagai tabiat seseorang (Nurul, 2009). Menurut Brien (1999), tabiat adalah tingkah laku yang dilakukan secara berulang-ulang dan ia dilakukan oleh minda tanpa sedar. Menurut Morel (2000) pula, terdapat lima langkah untuk membuang sikap buruk yang tidak diingini dalam kalangan pekerja iaitu dengan menggantikan tingkah laku yang tidak diingini dengan sikap yang baharu, mengulangi sikap baharu tersebut sehingga menjadi tabiat yang menyenangkan, mengasingkan pekerja dengan rangsangan untuk melakukan sikap buruk tersebut, 'habituation' dan memberi hukuman kepada pekerja yang melakukan sikap yang tidak diingini. Ahmad Murshidy (2010), sikap merujuk kepada persepsi individu berhubung pendedahan kepada aspek penilaian individu terhadap prosedur keselamatan, komitmen dan sikap bagi mengukur tahap kesedaran keselamatan pekerjaan di tempat kerja.

Menurut Sean, Nick, dan Sandy (1998), secara teorinya pekerja selalunya mengambil mudah terhadap keselamatan di tempat kerja dan ini menyebabkan berlakunya kemalangan yang tinggi dalam sesebuah organisasi. Akibatnya pihak pengurusan akan menuding jari kepada kesalahan pekerja tersebut tanpa menyelidik terlebih dahulu punca kemalangan tersebut berlaku. Oleh itu, perkara pertama yang perlu diberi perhatian oleh pengurus apabila mengambil pekerja adalah pengetahuan pekerja

dalam bidang yang ditugaskan dan bagaimana sikap pekerja tersebut terhadap keselamatan di tempat kerja (Morel, 2000).

Sikap dan tingkah laku pihak atasan juga akan mempengaruhi sikap dan tingkahlaku pekerja bawahannya. Oleh yang demikian sikap pihak atasan yang positif adalah perlu apabila terdapat undang-undang dan peraturan baru yang ingin diimplementasikan dalam organisasi tersebut. Ini kerana sikap positif dari pihak atasan menyebabkan pekerja bawahan akan menunjukkan sikap positif dan memberi komitmen yang sepenuhnya untuk melaksanakan undang-undang dan peraturan baru tersebut (Randmo & Hale, 2003). Abdul Rahman (1993) menyatakan bahawa punca kemalangan berlaku adalah sikap kelalaian pekerja. Oleh yang demikian sikap lalai tersebut perlu dihapuskan dengan mewujudkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerja di kalangan pekerja dalam usaha mengurangkan kemalangan di tempat kerja. Kajian yang dibuat oleh Herbert (1995), sifat-sifat yang tidak baik pada manusia seperti kecuai, degil, sambil lewa boleh menyebabkan kesilapan dan kemalangan. Beliau mendapati dengan meningkatkan tahap kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan akan menghapuskan sebarang risiko kemalangan.

Selain itu kajian yang dibuat oleh Jakson dan Palmer (1991) kecederaan yang berlaku di tempat kerja adalah disebabkan budaya kerja yang tidak selamat. Semua amalan kerja tidak selamat boleh dikawal dengan memberi fokus kepada kelakuan pekerja dengan cara meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Satu konsep yang boleh digunakan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah dengan membangunkan budaya kerja yang selamat. Budaya kerja selamat ini akan menerangkan sikap yang diingini bagi mewujudkan kesedaran keselamatan dalam organisasi (Dunne, 2000).

Berdasarkan pandangan Abdul Rahman (1993), Herbert (1995), Jakson dan Palmer (1991), terdapat hubungan antara sikap dengan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Oleh yang demikian kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan yang signifikan antara sikap tenaga pengajar dengan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Sekolah Menengah Sri Putri. Lantaran itu pengkaji mencadangkan hipotesis berikut:

H₁: Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor sikap tenaga pengajar dengan kesedaran Keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Sekolah Menengah Sri Putri.

2.4 Konsep Faktor Penglibatan Dan Hubungannya Dengan Tahap Kesedaran Keselamatan dan kesihatan pekerjaan

Terdapat *rule of management* yang telah dikemukakan Goetsh (1999) iaitu *if you want make the commitment involve them from the start*. Pernyataan ini boleh diaplikasikan oleh setiap organisasi dalam melaksanakan program keselamatan dan kesihatan. Ini kerana menurut Goetsh (1999) program keselamatan dan kesihatan yang efektif apabila pekerja melibatkan diri dalam program tersebut dan menjadikan program tersebut sebagai milikan bersama. Program keselamatan dan kesihatan tidak akan berjaya tanpa penglibatan aktif dari semua pihak dalam organisasi tersebut. Penglibatan pekerja adalah penting dalam program keselamatan dan kesihatan ini kerana mereka adalah tulang belakang syarikat serta mengetahui operasi syarikat dengan lebih baik. Selain itu segala aktiviti syarikat akan mempengaruhi aktiviti harian pekerja tersebut (Nurul, 2009). Bagi mengekalkan program keselamatan dan kesihatan yang sedia ada dalam organisasi bukan sahaja memerlukan penglibatan dari majikan tetapi pekerja juga perlu melibatkan diri bagi memastikan tiada kemalangan dan kecederaan berlaku. Tanpa tanggungjawab kedua-dua pihak dalam memastikan tempat kerja yang selamat ia tidak akan mendatangkan sebarang perubahan walaupun

kerajaan telah menyediakan pelbagai peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan Keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja (Morel, 2000).

Selain itu, terdapat juga kajian yang dijalankan oleh Peterson (2000) di mana beliau telah mengkaji penglibatan pihak pengurusan dalam aspek keselamatan di tempat kerja. Sebanyak 56 buah syarikat dianalisis mengenai tahap kesedaran keselamatan mereka. Berdasarkan data melalui soal-selidik, tinjauan persepsi pekerja-pekerja bawahan terhadap penglibatan mereka serta pihak pengurus pertengahan dan atasan terhadap keselamatan di tempat kerja diperolehi. Hasil kajian mendapati pihak pengurus (pertengahan dan atasan) menunjukkan sikap, sokongan dan kredibiliti pengurusan yang baik di mana mereka menitikberatkan pemeriksaan keselamatan, program motivasi dan kepekaan terhadap keselamatan selain menghindarkan ancaman bahaya yang tidak selamat.

Seterusnya Flynn (1994), dalam laporannya untuk program keselamatan pekerja di St. Supery Winery yang bertajuk *Company Strives for Yawn-Safety Awareness* mendapati bahawa penglibatan aktif pekerja dalam aktiviti keselamatan dan kesihatan telah berjaya membentuk jawatankuasa keselamatan dengan ahli yang terdiri dari wakil semua jabatan. Jawatankuasa ini menggunakan cara yang kreatif untuk memupuk kesedaran keselamatan pekerja kerana jawatankuasa memahami bahawa keselamatan bukanlah suatu perkara yang menarik dan menyeronokkan. Maka syarikat ini cuba mengubah cara dengan memastikan semua orang melibatkan diri merasakan keseronokan dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti berhubung dengan keselamatan pekerjaan.

Mengikut Vredenburgh (2002) pula, penglibatan pekerja adalah satu teknik tingkah laku berorientasikan penglibatan individu dan kumpulan dalam aliran komunikasi

untuk membuat keputusan berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan tempat kerja dalam organisasi. Komponen utama dalam kejayaan sesuatu program keselamatan adalah penglibatan komuniti keselamatan dan kesihatan di mana ahlinya adalah terdiri daripada pekerja, wakil majikan dan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan yang bersama-sama membangunkan program keselamatan. Di samping itu melaksanakan program tersebut dan memastikan wujudnya strategi yang baik untuk melibatkan semua pekerja dalam program keselamatan dan kesihatan yang dilaksanakan.


Selain itu, Yusuf (2000) melalui kajiannya tentang pengetahuan pekerja-pekerja industri terhadap pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. mendapati 85% pihak pengurusan dan pekerja tidak memandang serius aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Tambahan pula program latihan hanya diadakan kepada pekerja mengikut keperluan bukannya secara berkala. Di samping itu, kajian tersebut juga mendapati pihak pengurusan dan pekerja tidak bekerjasama dalam melibatkan diri dalam program keselamatan dan kesihatan yang disediakan dan ini menyebabkan berlaku kemalangan dan kecederaan di tempat kerja.

Berdasarkan kajian-kajian lepas di atas membuktikan penglibatan pekerja dan majikan mampu memberi kesan kepada kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan pekerja.

Lantaran itu kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara penglibatan tenaga pengajar dengan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Sekolah Menengah Sri Putri. Oleh yang demikian kajian ini mencadangkan hipotesis seperti berikut:

H₂: Terdapat hubungan yang signifikan di antara penglibatan tenaga pengajar dengan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Sekolah Menengah Sri Putri.

2.5 Kerangka Kajian



Rajah 2.0

Kerangka Kajian Kesedaran Keselamatan dan kesihatan pekerjaan

Teori rangka kajian di atas menerangkan di mana faktor sikap tenaga pengajar (Morel, 2000 ; Rondmo & Hale, 2003 ; Herbert, 1995 ; Rosmini, 2000 ; Harper & Koehn, 2000) dan penglibatan tenaga pengajar (Nurul, 2010 ; Vredenburgh, 2002 ; Yusuf, 2000 ; Peterson, 2000 ; Flynne, 1994 ; Goetsh, 1999) adalah merupakan faktor-faktor pembolehubah tidak bersandar yang akan mempunyai hubungan yang positif dengan pembolehubah bersandar iaitu kesedaran Keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja (Goetsh, 1996 ; Mahatevan, 1991 ; Ramlan, 1997)

2.6 Rumusan Kajian

Hasil daripada kajian lepas jelas menunjukkan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja sangat dititikberatkan oleh pihak majikan dan ia perlu disokong oleh para pekerja dalam organisasi tersebut dengan menunjukkan sikap dan penglibatan yang cemerlang.

BAB TIGA

METODOLOGI

3.0 Pengenalan

Dalam bab ini menerangkan metodologi kajian yang meliputi rekabentuk kajian dan kaedah kutipan data yang digunakan, saiz persampelan, struktur soalan, kebolehpercayaan soal selidik dan teknik yang akan digunakan untuk analisis data – data yang diperolehi.

3.1 Rekabentuk Kajian Dan Kaedah Kutipan Data

Rekabentuk kajian adalah kerangka kepada pelaksanaan kajian yang akan dilaksanakan. Ia menjelaskan secara khusus prosedur yang diperlukan untuk memperolehi maklumat yang dikehendaki bagi merangka dan menyelesaikan masalah kajian (Mahotra,1999). Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan adalah satu kajian deskriptif untuk mengukur persepsi individu terhadap tahap Keselamatan dan kesihatan pekerjaan tenaga pengajar di Sekolah Menengah Sri Putri Cyberjaya di mana melibatkan instrumen pengumpulan data primer dan sekunder. Soal selidik diedarkan kepada tenaga pengajar di Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya. Persepsi yang dilihat dalam kajian ini adalah tahap penglibatan tenaga pengajar dan sikap tenaga pengajar yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan adalah merupakan data primer. Manakala data sekunder adalah data yang didapati daripada bacaan jurnal, kajian lepas serta dari laman sesawang berkenaan dengan topik yang sedang dikaji ini.

3.2 Saiz Persampelan

Sincich (1995) menyatakan populasi merupakan kumpulan dan set data yang digunakan dalam kes yang dikaji. Persampelan pula adalah satu proses untuk memilih elemen yang sesuai dari satu populasi bagi menjalankan kajian untuk memperolehi kefahaman dan ciri-ciri populasi yang dikaji. Jika saiz sampel adalah besar maka taburan pensampelan min adalah menghampiri normal (Sincich, 1995). Ini bermakna semakin besar saiz sampel, nilai min sampel semakin menghampiri nilai min populasi dan ralat piawai semakin berkurang. Oleh itu sampel adalah terdiri daripada populasi (Sekaran, 2000). Maka jika bilangan populasi sebenar adalah 90 orang maka bilangan sampel yang bersesuaian adalah 73 orang. Bagi memperolehi tahap keyakinan yang tinggi dalam kajian ini, 90 borang soal-selidik telah diedarkan secara rawak dan telah berjaya mendapat maklumbalas daripada 90 orang responden.

3.3 Struktur Soalan Kajian

Soal selidik ini terdapat 45 item untuk mengukur pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar. Item-item tersebut menggunakan ukuran Skala Likert 1 hingga 5 di mana 1= “Sangat Tidak Setuju”, 2= “Tidak Bersetuju”, 3= “Tidak Pasti”, 4= “Setuju” dan 5= “Sangat Setuju”.

Jadual 3.1
Pembahagian Item-item Dalam Soal selidik

Pembolehubah	Nombor Soalan	Jumlah Soalan
1. Kesedaran Keselamatan dan kesihatan	A1-A21	21
2. Sikap	B1-B10	10
3. Penglibatan	C1-C9	9
4. Demografi	1-5	5
Jumlah	45	45

Faktor demografi tenaga pengajar di sekolah adalah meliputi soalan umur, tahap pendidikan, jantina, tahun perkhidmatan dan bangsa tenaga pengajar yang berkhidmat di sekolah. Faktor sikap, penglibatan dan kesedaran keselamatan kesihatan di dalam aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja diuji dengan menggunakan skala interval atau lebih dikenali sebagai Skala Likert di mana ia melibatkan lima pilihan jawapan seperti yang diterangkan. Keseluruhan soal selidik di dalam kajian ini dia dapatasi daripada kajian Ahmad Murshidy (2010). Borang kajian soal selidik ini telah diubahsuai mengikut kesesuaian pembolehubah.

3.4 Kebolehpercayaan Soal Selidik

Bagi memastikan tahap kebolehpercayaan soalan kajian selidik ini juga telah dibuat ujian rintis bagi mengukur tahap kebolehpercayaan pada setiap dimensi yang telah ditetapkan. Responden yang terlibat dalam ujian rintis ini adalah seramai 30 orang. Skor bagi kebolepercayaan alpha bawah dari 0.5 adalah lemah, julat diantara 0.7 hingga 0.8 adalah boleh diterima dan melebihi 0.9 adalah baik (Sekaran, 2000). Oleh itu kebolehpercayaan ujian rintis ini adalah berdasarkan nilai cronbach's alpha adalah seperti di dalam jadual 3.2. Justeru itu kebolehpercayaan pada setiap soalan yang digunakan dalam kajian ini adalah amat baik berdasarkan skor cronbach's alpha ujian rintis yang dijalankan.

Jadual 3.2

Nilai Cronbach's alpha bagi setiap pembolehubah (Kajian Rintis)

Pembolehubah	Soalan	<i>Cronbach's alpha</i>
Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan	21	0.919
Faktor Penglibatan	10	0.943
Faktor Sikap	9	0.902

3.5 Teknik Analisis Data

Teknik analisis data dilakukan secara analisis deskriptif dan ujian parametrik termasuk kolerasi dan analisis regresi untuk mencapai objektif kajian. Data yang dikumpul daripada responden dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) 19.0*.

3.5.1 Pengujian Hipotesis

i. Analisis Kolerasi Pearson

Untuk melihat perkaitan hubungan antara pembolehubah korelasi Pearson digunakan dalam kajian ini. Hubungan yang akan dilihat oleh analisis korelasi Pearson adalah merupakan hubungan yang bersifat linear samada linear positif atau negatif dan skor yang diperoleh akan mentafsir kekuatan diantara pembolehubah bersandar iaitu kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan pembolehubah bebas iaitu faktor sikap dan penglibatan (Zaidatun & Mohd Salleh, 2003).

ii. Analisis Regresi Berganda

Analisis ini digunakan untuk menguji manakah diantara pembolehubah bebas yang dominan untuk menerangkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan. dalam kajian ini, analisis regresi berganda berfungsi untuk mendapatkan satu persamaan regresi yang selalunya digunakan untuk menganggarkan nilai pembolehubah bersandar (Zaidatun & Mohd Salleh, 2003).

3.6 Kesimpulan

Bab ini membincangkan kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian ini. Bab ini juga menjelaskan dengan terperinci instrumen kajian yang digunakan untuk melaksanakan kajian. Instrumen kajian ini penting dalam kajian ini kerana bagi memastikan keputusan yang diterjemahkan akan lebih hampir kepada nilai yang sebenar. Analisis statistik deskriptif, analisis regresi berganda dan analisis perkaitan digunakan untuk memperolehi keputusan kajian.

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini menghuraikan dapatan kajian menerusi analisis data berdasarkan objektif.

Selain itu bab juga dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu menerangkan profil responden, kaedah analisa data, dan kesimpulan berdasarkan hasil kajian.

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui hubungan antara pembolehubah tidak bersandar iaitu sikap dan penglibatan tenaga pengajar dengan pembolehubah bersandar iaitu kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Oleh yang demikian Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti adakah terdapat hubungan yang signifikan sikap tenaga pengajar dengan kesedaran keselamatan dan kesihatan di sekolah. Objektif kedua, pula ialah untuk mengenal pasti adakah terdapat hubungan yang signifikan faktor penglibatan tenaga pengajar terhadap kesedaran keselamatan dan kesihatan di sekolah. Manakala objektif ketiga, untuk melihat faktor yang manakah paling dominan antara sikap dan penglibatan yang lebih mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

4.1 Analisis Taburan Frekuensi

Bagi analisis taburan frekuensi ujian deskriptif dijalankan terhadap faktor demografi yang meliputi jantina, tahap pendidikan, umur, tempoh berkhidmat dan bangsa.

4.1.1 Faktor Demografi

Jadual 4.1
Demografi Responden

Demografi	Kekerapan	Peratus (%)
1. Jantina		
• Lelaki	26	71.1
• Perempuan	64	28.9
2. Tahap Pendidikan		
• Diploma	5	5.6
• Ijazah	75	83.3
• Ijazah Sarjana	7	7.8
• Doktor Falsafah	3	3.3
3. Umur		
• Kurang dari 20 tahun	4	4.4
• 20-25 tahun	16	17.8
• 26-30 tahun	11	12.2
• 31-35 tahun	36	40.0
• 36-40 tahun	15	16.7
• 45 tahun dan ke atas	8	8.9
4. Tempoh Perkhidmatan		
• Kurang daripada 6 tahun	13	14.4
• 6 – 10 tahun	45	50.0
• 11-15 tahun	13	14.4
• Lebih daripada 15 tahun	19	21.1
5. Bangsa		
• Melayu	78	86.6
• Cina	9	10.0
• India	3	3.3

n=90

Berdasarkan Jadual 4.1, tenaga pengajar di Sekolah Menengah Seri Putri, Cyberjaya terdiri daripada guru perempuan dengan kadar peratusan mencecah 71.1% manakala minoriti tenaga pengajar lelaki pula peratusan adalah sebanyak 28.9 %. Majoriti tenaga pengajar di sekolah ini di kalangan mereka yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda sebanyak 83.3%. Manakala jumlah yang paling sedikit Doktor Falsafah

merangkumi sebanyak 3.3%. Golongan tenaga pengajar yang paling ramai adalah mereka dalam kalangan umur 31 hingga 35 tahun iaitu pada kadar 40.0 %. Responden yang berumur 45 tahun ke atas menunjukkan tahap kekerapan yang paling sedikit dengan kadar 8.9 % sahaja. Golongan tenaga pengajar yang paling ramai adalah mereka yang telah berkhidmat selama 6 hingga 10 tahun dengan kadar 50.0 %. Responden yang berkhidmat kurang dari 5 tahun dan 11 hingga 15 tahun menunjukkan kadar kekerapan yang sederhana sahaja iaitu nilai peratusan adalah sama sebanyak 14.4 %. Bangsa melayu merupakan golongan majoriti sebagai tenaga pengajar di Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya dengan kadar peratusan sebanyak 86.7 % diikuti bangsa Cina sebanyak 10.0% dan India sebanyak 3.3%.

4.2 Kebolehpercayaan Soal Selidik

Menurut Sekaran (2000), Skor bagi kebolehpercayaan alpha bawah dari 0.5 adalah lemah, julat diantara 0.7 hingga 0.8 adalah boleh diterima dan melebihi 0.9 adalah baik. Oleh itu, kebolehpercayaan bagi setiap pembolehubah ini adalah berdasarkan nilai cronbach's alpha adalah seperti di dalam Jadual 4.2. Justeru itu kebolehpercayaan pada setiap soalan yang digunakan dalam kajian ini adalah amat baik berdasarkan skor cronbach's alpha melebihi daripada 0.9.

Jadual 4.2
Nilai-Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach

Bahagian	Nilai Alpha Kajian Rintis	Item N	Nilai Alpha Kajian Sebenar	Item N
Pembolehubah Bersandar:				
Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan	0.919	30	0.900	90
Pembolehubah Bebas:				
Faktor Penglibatan	0.943	30	0.929	90
Faktor Sikap	0.902	30	0.913	90

4.3 Deskriptif Statistik

Analisis deskriptif statistik dalam kajian ini merangkumi min, sisihan piawai, minimum dan maksimum bagi pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas ditunjukkan seperti Jadual 4.3.

Jadual 4.3
Analisis Deskriptif Bagi Pembolehubah-Pembolehubah Utama

Pembolehubah-pembolehubah	Min	Sisihan Piawai
Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan	4.22	.389
Faktor Penglibatan	4.29	.497
Faktor Sikap	4.13	.524

Jadual 4.3, memaparkan keseluruhan interpretasi skor min adalah di antara 4.13 hingga 4.29. Menurut Jamil (2009), interpretasi skor min adalah seperti jadual 4.4. Berdasarkan analisis di atas didapati skor min keseluruhan bagi pembolehubah faktor penglibatan adalah tinggi (min = 4.29 dan sisihan piawai = 0.497). Skor min

keseluruhan bagi pembolehubah kesedaran keselamatan dan kesihatan dan faktor sikap juga tinggi di mana nilainya adalah (min = 4.22 dan sisihan piawai = 0.389) dan (min = 4.13 dan sisihan piawai = 0.524).

Jadual 4.4
Interprestasi Skor Min

Skala	Interprestasi Kekuatan Hubungan
1-2	Rendah
3	Sederhana
4-5	Tinggi

4.4 Pengujian Hipotesis

4.4.1 Kolerasi Pearson

Berdasarkan Meyers, Gamst dan Guarino (2006), kekuatan hubungan antara setiap pembolehubah diukur dengan melihat nilai r di antara -1.0 hingga +1.0. Nilai koefisien +1.0 menunjukkan hubungan positif yang sempurna, manakala nilai 0 menggambarkan tiada sebarang hubungan dan nilai -1 menunjukkan hubungan negatif yang sempurna.

Merujuk kepada Mitra dan Lankford (1999), di mana menyatakan bahawa darjah hubungan nilai r mengikut interprestasi kekuatan hubungan seperti ditunjukkan dalam

Jadual 4.5

Jadual 4.5
Darjah Kekuatan Mengikut Nilai-r

Niai r	Interpretasi Kekuatan Hubungan
$r < 0.09$	Tiada hubungan
$0.10 \leq r \leq 0.19$	Lemah
$0.20 \leq r \leq 0.40$	Sederhana
$0.40 \leq r \leq 0.60$	Kuat
$r \geq 0.60$	Sangat Kuat

i. Hubungan antara faktor sikap dan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerja

Jadual 4.6, menunjukkan hasil analisis Korelasi Pearson di antara pembolehubah bersandar (minDV=kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerja) dan pembolehubah-pembolehubah bebas (minIV1=Faktor Sikap) Berdasarkan Jadual 4.6, didapati pembolehubah bebas iaitu faktor sikap memperlihatkan korelasi positif yang signifikan dengan pembolehubah bersandar dimana $r=0.625$, $N=90$ dan $p<0.000$. Oleh yang demikian hipotesis null diterima. Secara keseluruhan terdapat hubungan yang kuat di antara faktor sikap tenaga pengajar dan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerja di Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya (62.5 %).

Jadual 4.6

Pekali Korelasi di antara Pembolehubah-Pembolehubah (n=90)

Kesedaran keselamatan Dan kesihatan pekerjaan	Faktor Sikap
Kolerasi Pearson	.625**
Sig (1-tailed)	.000

**Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (*1-tailed*).

ii. Hubungan antara faktor penglibatan dan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan

Jadual 4.7, menunjukkan hasil analisis Korelasi Pearson di antara pembolehubah bersandar (minDV=kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan) dan pembolehubah-pembolehubah bebas (minIV1=Faktor Penglibatan). Berdasarkan Jadual 4.7, didapati pembolehubah bebas iaitu faktor penglibatan memperlihatkan korelasi positif yang signifikan dengan pembolehubah bersandar dimana $r=0.721$, $N=90$ dan $p<0.000$. Oleh yang demikian hipotesis null diterima. Secara keseluruhan terdapat hubungan yang kuat di antara faktor penglibatan tenaga pengajar dan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya (72.1 %).

Jadual 4.7

Pekali Korelasi di antara Pembolehubah-Pembolehubah (n=90)

Kesedaran keselamatan Dan kesihatan pekerjaan	Faktor Penglibatan
Kolerasi Pearson	.721**
Sig (1-tailed)	.000

**Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (*1-tailed*).

iii. Faktor paling dominan mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan

4.4.2 Analisis Regresi Berganda

Ujian statistik regresi berganda dilakukan untuk mengetahui pembolehubah tidak bersandar manakah yang lebih dominan mempengaruhi pembolehubah bersandar. Dalam kajian ini pembolehubah tidak bersandar adalah terdiri daripada sikap dan penglibatan tenaga pengajar, manakala pembolehubah bersandar pula adalah terdiri daripada aspek kesedaran keselamatan kesihatan pekerjaan. Keputusan ujian yang telah dianalisis secara analisa regresi berganda bagi mengetahui pembolehubah bersandar yang mana paling mempengaruhi aspek kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan ditunjukkan dalam jadual 4.8

Jadual 4.8

Analisis ujian analisa regresi berganda Kesedaran Keselamatan Kesihatan Pekerjaan

Model	<i>Unstandardized coefficient</i>		<i>Standard Coefficients</i>	T	Sig.
	<i>B</i>	<i>Std Err</i>	Beta		
<i>Constant</i>	0.470	0.244		6.041	0.000
Sikap	0.289	0.067	0.369	4.310	0.000
Penglibatan	0.366	0.064	0.493	5.759	0.000

Pembolehubah Bersandar: Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Berdasarkan jadual 4.8 nilai beta bagi faktor sikap ialah 0.369 manakala nilai beta bagi faktor penglibatan ialah 0.493. Maka faktor paling dominan mempengaruhi faktor kesedaran dan keselamatan dan kesihatan ialah faktor penglibatan kerana nilai ($\beta = 0.493$ $p > 0.000$)

4.5 Rumusan Analisis

Hasil daripada analisa kajian telah mendapati hipotesis yang dibina di awal kajian telah dapat dibuktikan. Rumusan analisa berhubung dengan pembuktian hipotesis adalah seperti di Jadual 4.9

Jadual 4.9
Rumusan Pengujian Hipotesis

Bilangan	Hipotesis-Hipotesis	Keputusan
H ₁	Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor sikap tenaga pengajar dengan kesedaran Keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya	Hipotesis nul diterima
H ₂	Terdapat hubungan yang signifikan di antara penglibatan tenaga pengajar dengan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan	Hipotesis nul diterima
H ₃	Mengkaji faktor paling dominan mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah	Penglibatan tenaga pengajar

4.6 Perbincangan Hasil Kajian

Dalam perbincangan seterusnya, objektif kajian dibincangkan berdasarkan dapatan kajian dan sorotan karya. Ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana objektif-objektif tersebut dicapai secara keseluruhan.

4.6.1 Objektif 1 untuk melihat hubungan signifikan di antara faktor sikap tenaga pengajar dan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Objektif pertama kajian ini adalah untuk melihat hubungan yang signifikan antara faktor sikap tenaga pengajar dan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara faktor sikap dan kesedaran keselamatan pekerjaan. Ini menunjukkan bahawa faktor

sikap tenaga pengajar Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya boleh mempengaruhi kesedaran keselamatan pekerjaan. Sikap tenaga pengajar seperti mengutamakan keselamatan dan kesihatan pekerjaan semasa membuat keputusan, mematuhi peraturan dan polisi berkaitan dengan keselamatan di sekolah serta mengambil maklum akan setiap perubahan dalam persekitaran tempat kerja yang mungkin memberi risiko kemalangan seperti peralatan dan tempat kerja yang tidak selamat mengurangkan risiko kemalangan di Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya.

Oleh yang demikian, peranan pengetua juga yang bertindak sebagai majikan di Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya perlu memberi perhatian terhadap sikap tenaga pengajar kerana ia boleh mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya. Faktor sikap ini juga menjelaskan jika tenaga pengajar prihatin dan peka dalam mendapat maklumat yang lengkap berkaitan dengan polisi dan prosedur kerja yang selamat di sekolah serta langkah-langkah pencegahan bahaya, ia akan mengurangkan risiko kemalangan di sekolah tersebut. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan kesedaran mereka berkaitan keselamatan pekerjaan dan membetulkan sikap tenaga pengajar jika tidak mematuhi peraturan dan prosedur keselamatan yang boleh menyebabkan risiko kemalangan berlaku di tempat kerja.

Keputusan dari analisa kajian ini adalah selari dengan penemuan kajian yang dilakukan oleh Ramlan (1997) di mana untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah dengan penyebaran dasar dan peraturan keselamatan secara kerap bagi bertujuan untuk mengelakkan pekerja mendapat maklumat yang tidak tepat. Selain itu, Fadzli et al., (2002) juga menjelaskan kes kemalangan di tempat kerja adalah berpunca dari sikap individu yang gagal mematuhi peraturan dan keselamatan yang telah ditetapkan. Zakaria (2000) pula, menyatakan terdapat

hubungan yang positif di antara kesedaran dan tingkahlaku. Sehubungan dengan itu, apabila tenaga pengajar berjaya menunjukkan tahap kesedaran yang lebih tinggi terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja secara tidak langsung sikap dan perilaku yang positif ditonjolkan oleh tenaga pengajar tersebut.

Morris dan Willcocks (1996) pula menyatakan bahawa untuk mengubah sesuatu budaya, tingkahlaku mestilah terlebih dahulu berubah. Maka berdasarkan hasil kajian dapat dibuktikan wujud sikap yang mementingkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dalam kalangan tenaga pengajar Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya. Hal ini memberi kesan yang positif kepada kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah tersebut.

4.6.2 Objektif 2 untuk melihat hubungan signifikan antara faktor penglibatan tenaga pengajar Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya dengan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Objektif kedua kajian ini adalah untuk melihat hubungan yang signifikan antara faktor penglibatan tenaga pengajar Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya dengan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Dapatan kajian mendapati wujud hubungan yang positif dan signifikan antara penglibatan tenaga pengajar dengan kesedaran keselamatan kesihatan pekerjaan. Berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap soalan penglibatan tenaga pengajar dalam program keselamatan kesihatan pekerjaan di sekolah tersebut, terdapat penglibatan tenaga pengajar dalam jawatankuasa keselamatan kesihatan dan juga kesediaan tenaga pengajar dalam melaporkan sebarang kemalangan yang berlaku. Ini menunjukkan tenaga pengajar mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap keselamatan kesihatan pekerjaan di sekolah berdasarkan penglibatan yang ditunjukkan.

Hasil kajian ini selari dengan penemuan yang telah dibuat oleh Payne (1998) dan Harper dan Koehn (1998), yang menyatakan kepentingan penglibatan dan komitmen pekerja untuk memajukan organisasi. Ini kerana dengan adanya penglibatan pekerja mereka akan berusaha bersama-sama dalam menjaga keselamatan dan kesihatan perkerjaan di tempat kerja. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Pierce (1998), di mana kesedaran keselamatan kesihatan perkerjaan boleh ditingkatkan dengan aktiviti bersepadu antara ahli jawatankuasa keselamatan kesihatan perkerjaan dengan melibatkan pekerja dalam program keselamatan, kempen, dan promosi. Segala aktiviti tersebut hendaklah secara berterusan dan melibatkan semua pekerja dan pihak atasan. Dengan cara ini dapat meningkatkan kesedaran pekerja serta mengambil langkah pencegahan yang sesuai untuk menangani bahaya tersebut.

Tidak dapat dinafikan faktor penglibatan memainkan pengaruh yang kuat untuk meningkatkan kesedaran keselamatan kesihatan perkerjaan dalam kalangan tenaga pengajar. Ini adalah kerana apabila tenaga pengajar tersebut melibatkan diri dalam program dan kempen serta menjadi sebahagian ahli jawatankuasa keselamatan dan kesihatan perkerjaan di sekolah, tenaga pengajar tersebut mempunyai kemahiran yang tinggi bagi menangani kemalangan dan mengurangkan kadar berlakunya kemalangan tersebut. Selain itu, didapati penglibatan tenaga pengajar Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya dalam program keselamatan kesihatan perkerjaan yang berlaku secara berterusan mampu meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan perkerjaan di kalangan tenaga pengajar tersebut. Oleh itu, berdasarkan hasil kajian dapat dibuktikan faktor penglibatan tenaga pengajar Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya memberi kesan yang positif kepada kesedaran keselamatan dan kesihatan perkerjaan di sekolah tersebut.

4.6.3 Objektif 3 untuk melihat hubungan paling dominan antara faktor penglibatan atau sikap tenaga pengajar dengan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Objektif ketiga kajian ini adalah untuk melihat hubungan yang paling dominan antara faktor penglibatan atau sikap tenaga pengajar Sekolah Menengah Sri Putri Cyberjaya dengan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Berdasarkan hasil kajian, didapati faktor paling dominan yang mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Sekolah Menengah Sri Putri Cyberjaya ialah penglibatan guru dengan nilai β ialah 0.493 berbanding sikap dengan nilai β 0.369.

Menurut Anuar (2008), penglibatan guru dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan di sekolah merupakan faktor yang besar dalam mewujudkan sebuah sekolah yang selamat. Kajian yang telah dibuat oleh Hayati (2008), menunjukkan bahawa peratusan sekolah yang mengamalkan pematuhan keselamatan adalah 75%. Ini diklasifikasikan sebagai peratusan yang sangat baik kerana menurut kajian ini hampir keseluruhan guru menglibatkan diri dalam mematuhi peraturan keselamatan dan biasanya bekerja dalam cara yang tidak membahayakan. Oleh itu, penglibatan tenaga pengajar didapati memberi kesan yang besar dalam kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Selain itu, penglibatan guru yang aktif dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah dapat meningkatkan produktiviti dan pulangan yang tinggi kepada sekolah (Copper & Phillip, 2004). Copper dan Phillip (2004), juga menyatakan jika guru mengabaikan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan akan menyebabkan pihak sekolah perlu menanggung kos pampasan, kos perubatan dan kos perundangan terhadap setiap kemalangan yang berlaku di sekolah. Seo (2005) pula dalam kajiannya

telah memilih enam dimensi amalan pengurusan keselamatan iaitu komitmen majikan, penglibatan pekerja, latihan keselamatan, komunikasi dan maklum balas keselamatan, peraturan dan prosedur keselamatan dan dasar promosi keselamatan sebagai pemboleh ubah bebas kajian. Hasil daripada kajian tersebut mendapati penglibatan pekerja memainkan peranan yang penting dalam menyediakan persekitaran tempat kerja yang selamat.

Begitu juga dengan Hoffmann (1996) yang menyokong komitmen guru dan pihak pengurusan merupakan faktor utama yang memberi kesan kepada kejayaan program keselamatan organisasi yang mana dilihat berdasarkan kepada aktiviti keselamatan yang dijalankan di sekolah dan tingkahlaku yang selamat.

Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian yang disokong oleh kajian terdahulu membuktikan bahawa penglibatan guru dalam kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah faktor yang paling dominan mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

4.7 Kesimpulan

Daripada hasil ujian yang dijalankan menunjukkan sikap dan penglibatan tenaga pengajar mempunyai hubungan positif dengan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya. Namun begitu, pembolehubah penglibatan tenaga pengajar dilihat lebih dominan mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya.

BAB LIMA

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang kesimpulan, cadangan serta penutup. Hasil penemuan dan cadangan daripada kajian ini dicadangkan digunakan untuk kajian pada masa akan datang juga diterangkan dalam bab ini. Selain itu, melalui bab ini dicadangkan tindakan dan usaha-usaha tertentu dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan kesihatan pekerjaan tenaga pengajar di Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya.

5.1 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan tenaga pengajar di Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya dan hasil kajian yang diperolehi hanya menggambarkan kesedaran keselamatan kesihatan pekerjaan di kalangan mereka. Justeru itu, hasil kajian ini tidak boleh dibuat kesimpulan bahawa perspektif kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan tenaga pengajar di sekolah yang lain adalah sama. Ini kerana persekitaran dan kemudahan di setiap sekolah adalah berbeza. Perbezaan sikap, pengetahuan serta penglibatan tenaga pengajar juga boleh memberi perbezaan yang ketara terhadap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Secara tidak langsung faktor ini akan memberi keputusan kajian yang berbeza.

Selain itu, walaupun terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kajian ini hanya mengkaji faktor sikap dan penglibatan. Kajian ini juga hanya berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui

soal-selidik. Justeru itu, kebolehpercayaan soal-selidik jawapan yang diberi hanya bergantung kepada soalan yang telah dikemukakan.

5.2 Implikasi Teoratical dan Praktikal

Secara teoratical, kajian ini memberi tambahan pengetahuan mengenai kesan sikap dan penglibatan ke atas kesedaran mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Dari aspek praktikal kajian ini menyumbang idea baru melalui aspek seperti berikut:

- a) **Program latihan keselamatan:** Latihan adalah penting untuk memastikan semua tenaga pengajar melibatkan diri dan bersedia menghadapi pelbagai keadaan yang tidak diingini di tempat kerja. Ini disokong oleh Harper dan Koehn (1998), dalam kajiannya menunjukkan bahawa latihan keselamatan yang diberikan kepada pekerja dapat meningkatkan kesedaran keselamatan kesihatan pekerjaan. Latihan yang berterusan ini akan meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tenaga pengajar terhadap bahaya di tempat kerja. Latihan yang berkesan adalah dengan melibatkan agensi luar seperti Bomba, Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan untuk bersama-sama menjalani latihan dengan tenaga pengajar. Dengan adanya latihan ini ia akan meningkatkan kesedaran keselamatan tenaga pengajar.
- b) **Kempen keselamatan kesihatan:** Melalui kempen keselamatan kesihatan yang diadakan ia akan memberi input-input dan pengetahuan yang berkaitan dengan keselamatan kesihatan di kalangan tenaga pengajar. Ia bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Chabo (1995), yang menunjukkan bahawa dengan adanya penyebaran maklumat keselamatan dan kesihatan yang bebas dan meluas dalam organisasi membolehkan semua pekerja melibatkan diri dan sedar tentang isu yang berkaitan dengan keselamatan kesihatan. Selain itu

tenaga pengajar juga akan bertindak dengan cara yang selamat untuk menangani sebarang masalah sekiranya berhubung dengan keselamatan dan kesihatan. Di samping itu dengan adanya promosi dan pameran yang diadakan secara besar-besaran dapat mewujudkan budaya kerja yang selamat serta sikap tenaga pengajar ke arah yang lebih positif. Ini membolehkan sikap individu dapat diperbetulkan dan secara tidak langsung akan meningkatkan kesedaran keselamatan kesihatan pekerjaan.

- c) **Program pengurusan insentif:** Melalui program yang dijalankan ia dapat mewujudkan kesedaran keselamatan dan kesihatan di kalangan tenaga pengajar. Ini kerana menurut Aziz dan Intan (2002), melalui program pengurusan insentif ia dapat memotivasikan pekerja di dalam sesebuah organisasi tersebut. Antara program pengurusan insentif kepada tenaga pengajar yang mengamalkan budaya kerja yang selamat dan konsep sekolah selamat di sekolah dengan memberi penghargaan kepada tenaga pengajar dalam bentuk anugerah atau pengiktirafan yang bersesuaian.
- d) **Sistem pemantauan:** Ini dapat dilaksana dengan melantik seorang ketua dalam kalangan tenaga pengajar untuk memantau sikap dan tingkahlaku tenaga pengajar yang tidak mematuhi peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang telah ditetapkan. Tindakan perlu dikenakan kepada tenaga pengajar yang tidak mematuhi peraturan dan sesi kaunseling perlulah dijalankan. Ini bertujuan untuk memastikan sikap tersebut tidak diikuti oleh tenaga pengajar yang lain. Selain itu pihak pengetua perlu bekerjasama untuk mewujudkan sebuah sekolah yang selamat. Usaha ini bagi memastikan sikap tenaga pengajar yang tidak mematuhi peraturan dapat diatasi.

5.3 Cadangan

Kajian ini hanya menyediakan sebahagian sahaja idea berkaitan dengan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Sekolah Menengah Sri Putri Cyberjaya. Justeru itu, ia mungkin akan memberi idea untuk kajian pada masa akan datang. Berikut adalah merupakan beberapa cadangan yang diberikan kepada pengkaji-pengkaji akan datang yang ingin mengkaji dalam bidang kajian yang sama.

- a) Mengembangkan lagi kajian ke sekolah-sekolah lain untuk mendapatkan keputusan ujian yang lebih konsisten
- b) Menjalankan kajian yang sama tetapi menggunakan kaedah pegumpulan data secara temubual. Kaedah temubual ini membolehkan responden lebih memahami setiap soalan dalam kajian soal-selidik dengan lebih jelas dan jawapan yang diberikan akan lebih tepat.
- c) Menambah pembolehubah yang lain untuk mengukur kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ini dapat meningkatkan ketepatan pemahaman berhubung dengan dimensi perspektif kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

5.4 Kesimpulan

Secara keseluruhnya, kajian ini mendapati wujudnya kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang tinggi dalam kalangan tenaga pengajar Sekolah Menengah Sri Putri, Cyberjaya. Selain itu, penglibatan tenaga pengajar dalam aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan lebih meningkatkan lagi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah tersebut. Ini menunjukkan kepentingan faktor ini dalam mewujudkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Faktor sikap juga didapati mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Oleh itu, pihak pengurusan perlu mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menangani sikap yang boleh menyebabkan keadaan sekolah yang tidak selamat.

Kesimpulannya hasil kajian ini telah berjaya mencapai objektif kajian. Faktor sikap dan penglibatan tenaga pengajar didapati mempunyai hubungan yang signifikan dalam memupuk kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah. Walau bagaimanapun, lebih banyak kajian-kajian akan datang perlu dijalankan dengan mengambil kira pembolehubah yang lain serta menggunakan analisa yang terkini bagi mendapatkan keputusan yang lebih jitu dan tepat.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusuf dan Intan Osman (2002). *Pengurusan Sumber Manusia : Konsep , Isu dan Pelaksanaan*. Petaling Jaya: Prentice Hall
- Ab. Aziz Yusuf (2000). *Pengurusan dan Gelagat Organisasi Di Abad Ke-21*. London, Prentice Hall.
- Abdul Rahman Shaari (1993). Tinjauan Terhadap Amalan Keselamatan di Bengkel Pemasangan Elektrik di Sekolah Menengah Vokasional Ipoh, Kuala Kangsar, Tapang, Perak. *Tesis Sarjana* Universiti Teknologi Malaysia
- Abd Wahid Mukhari & Yeow Siew Theng (2007). Kefahaman dan Keprihatinan Guru-Guru Kemahiran Hidup Terhadap Keselamatan Bengkel Kemahiran Hidup Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Kulai Johor. Universiti Teknologi Malaysia
- Ahmad Murshidy Jamil (2010). Pengurusan Tahap Kesedaran Keselamatan Pekerjaan Terhadap Pengendalian Peluru dan Bahan Letupan: Satu Kajian Kes di Depot Peluru Karordnans Diraja. *Tesis Sarjana* Universiti Utara Malaysia
- Ahmad Nazri Hj.Abdul Azid, Juhari Hj. Ali & Roselina Ahmad Saufi (1999). Factor Influencing The Implementation Of Occupational Safety and Health In The Electronic and Electrical Industry. Kuala Terengganu: Asian Academy of Management Conference Prosiding
- Akta Keselamatan dan kesihatan pekerjaan 1994. Akta 514. International Law Book Service, Petaling Jaya , Malaysia
- Brien. J.A (1999). *Managemen Information System*. Boston: Irwin McGraw Hill.
- Chabo, C. (1995). Occupational Health and Safety Issues: Worker View
- David Koh (1995). Occupational Health and Safety Promotion: Problem and Solution Safety. *Journal Safety Science*. 20, 323-328
- D.Stephens (1996). The Art Of Safe School Planning 40 Ways To Manage And Control Student. 53
- Durish Idrus, Hamidah Ab.Rahman, Haprizza Ashari, Fadilah Zaini Rossilah Jamil, & Syaharizatul Noorizwan Mukhtar(2004). Kesedaran Staf UTM Terhadap Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja. *Tesis Sarjana* Universiti Teknologi Malaysia
- Dunne (2000). Measuring Safety Cimate Of Construction Company. *Jurnal Construction Engineering*. 9, 890-899.
- Fadzli Shah Aziz, Shuhymee Ahmad, Chandrakantan A/L Subramaniam & Zulkiflee Daud (2002). Kesedaran Pekerja-Pekerja Ladang Getah Dalam Aspek Keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Universiti Teknologi Malaysia

- Fernandez Betriz (2007). Safety Culture : Analysis Of The casual Relationship Between Its Key Demension. *Journal Safety Research*. 38, 627-641
- Fong Chan Onn (2000). *Teks Ucapan Pelancaran Krmpen Bulan Keselamatan dan kesihatan pekerjaan*. Kementerian Sumber Manusia, Kuala Lumpur.
- Flynn G (1994). Company Strive For Yawn Awareness. *Journal Personal*.73
- Goetsh, D.L (1999). *Occupational Safety and Health For Technologies, Engineer and Manager*.Prentice Hall: New Jersey
- Goetsh, D.L (1996). *Occupational Safety and Health in The Age Of High Techology For Technologists, Engineer and Manager*. New Jersey: Prentice Hall
- Hayati (2008). Aspek Kualiti Keselamatan & Kesihatan di Kalangan PKS Makanan. *Jurnal Teknologi*.
- Hinze, J.W. (1997). *Construction Safety*. Columbus Ohio: Prentice Hall
- Horper, RS & Koehn, E. (1998). Managing Industrial Construction Safety In Southeast Texas. *Journal Of Construction Engineering and Management*.452-457
- Herber (1995). Measuring Perceptions Of Workplace Safety. *Jurnal Safety Research*. 29
- Hofmann, D.A. (1996). A cross-level investigation of factors influencing unsafe behaviour and accident. *Personnel Psychology*
- Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja(1994). *Perutusan Utama Akta Keselamatan dan kesihatan pekerjaan 1994*. Malaysia: Nobles Press Sdn Bhd
- Jamil, A. (2009). Ergonomik dalam menjana keselesaan di tempat kerja. *Tesis Sarjana*. Universiti Utara Malaysia.
- Jakson & Palmer (1991) Evaluating The effectiveness Of A longer Safety Program. *Jurnal Safety Research*. 37: 53-61
- Lee Lam Thye (1999).*Usah Abai Keselamatan*. Berita Harian (1999.Oktober.11)
- Mac Collum (1995). *Construction Safety Planning*. New York : Van Nostrand Reinhold.
- Malhotra, N.K (1999). *Marketing Research : An Applied Orientation*. New Jersey : Prentice Hall.
- Mathathevan (1991). *Occupational and Industrial Safety: Propasal for Legislative Reform,Safety at Work in Malaysia*. Universiti Malaysia, Kuala Lumpur

- Maznah Hamid (2009). *Seminar Keselamatan dan kesihatan pekerjaan Di Sektor Awam*. Bangi: Majlis Negara Bagi Keselamatan dan kesihatan pekerjaan
- Majlis Negara Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (2009). *Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Awam*. Bangi.
- Meyers, L. S., Gamst, G. & Guarino, A. J. (2006). *Applied multivariate research: Design and interpretation*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Mitra, A. & Lankford, S. (1999). *Research methods in park, recreation and leisure services*. Champaign, IL: Sagamore Publishing.
- Morel (2000). Safety Self-Efficacy and Safety Performance. *Jurnal Health Care*. 20
- Mustazar Mansur (2009). Keberkesanan Latihan Keselamatan dan Kesihatan Dalam Mengurangkan Kelamangan Di Tempat Kerja. 4, 293-324.
- Mohd Anuar Abdul Rahman (2008). Amalan Peraturan Keselamatan Bengkel Dalam Kalangan Pelajar di Institut Kemahiran. *Tesis Sarjana Universiti Teknologi Malaysia*
- Nurul AH & Tengku MA (2009). Situational Analysis Of Safety and Health In Primary School in Kota Bharu. *Journal Community*. 15.
- Nurul Huda Hussain (2009). The Critical Success Factor Implementing Occupational Safety and Health. *Tesis Sarjana Univerisiti Utara Malaysia* .
- National Education Associoation (1996). *Safe School Manual*. United State : NEA
- Ormadin Ashaari (1996) *Pengurusan Sekolah : Suatu Pandangan Lengkap*. Kuala Lumpur: Utusan Publications
- Payne, M. (1998). Do Employee Know Best? *Journal Safety and Health*
- Peterson, D. (2000). Safety Management. *Journal Safety and Health*. 45, 16-19.
- Pierce, F.D.(1998). Does Organizational Stream Linning Hurt Safety and Health. *Journal Profesional Safety*.
- Ramlan Zainal Abidin (1997). Latihan Dalam Bidang Keselamatan dan Kesan Terhadap Kesedaran Keselamatan di Tempat Kerja: Satu Kajian Di Kilang X (M) Sdn Bhd. *Tesis Sarjana Universiti Teknologi Malaysia*
- Rundmo T. & Hale A.R (2003). Manager Attitudes Towards Safety and Accident Prevention. *Journal Safety Science*. 41, 557-574
- Shamsiah Mohd Amin, Shahrulbanum A.Ghani & Aziah Ab Latif (2005). Konsep dan Pelaksanaan Sekolah Selamat. Universiti Teknologi Malaysia.
- Sincich (1995) *A First Course In Business Statistics*. USA

- Sekaran, U. (2010). *Research Methods for Business*. New Yorks: John Wiley & Sons, Inc.
- Sean, Nick & Sandy (1998). Developing A Model Safety Culture. *Jurnal Safety Research*. 35, 497-512.
- Seo,(2005). An explicative model of unsafe work behaviour. *Jurnal Safety Science*
- Steve Morris & Grham Willcocks (1996). *Preventing Accident and Illness at Work, Health and Safety Practice*. London: Pitman Publishing
- Vrendenburgh A.G (2002). Organizational Safety Which Management Practice Are Must Effective in Reducing The Employee Injury Rates? *Journal Of Safety Research*. 33, 259-276.
- Wan Rosmini Hassan (2000). Tahap Kesedaran Pekerjaan Berhubung Dengan Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja: Suatu Kajian Kes di Hume Cemboard Bhd Primaboard Division. *Tesis Sarjana Universiti Utara Malaysia*
- Yazam Sharif (2001). *Asas Pengurusan Sumber Manusia*. Kuala Lumpur :Utusan Publication
- Yusuf Amadan (2000). Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Berita Harian. 24.Januari 2000
- Yusuf (2008). *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia:UKM Bangi.
- Zakaria Ismail (2000). Personal Communication. *Tesis Sarjana Universiti Utara Malaysia*.
- Zaidatun Tasin & Mohd Salleh (2003). *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 For Window*. Kuala Lumpur. Venton Publishing